

Jawapan Lengkap Cabarán KBAT

TINGKATAN 4

BAB 7

Laporan pendidikan tersebut dapat mewujudkan sistem pendidikan yang seragam di negara ini melalui beberapa cadangan yang telah dikemukakan, antaranya ialah penggunaan bahasa pengantar yang seragam di semua peringkat sekolah rendah, iaitu bahasa Melayu dan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar utama. Sementara itu, bahasa Inggeris akan menjadi bahasa pengantar di semua peringkat sekolah menengah. Tuntasnya, penggunaan bahasa pengantar yang seragam ini akan menghapuskan perbezaan sistem pendidikan yang wujud serta dapat menyatupadukan kanak-kanak yang berbilang kaum di negara ini.

Sistem pendidikan yang seragam dapat diwujudkan melalui pengekalan sekolah menengah berbilang kaum yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar serta sukanan pelajaran dan sistem peperiksaan yang seragam. Justeru itu, semua murid di peringkat sekolah menengah dapat mengikuti sistem pendidikan dan sistem peperiksaan yang seragam.

Laporan Woodhead mengenai pendidikan di Sarawak dan Sabah pada tahun 1955 telah mencadangkan agar semua sekolah menggunakan buku teks yang berlatarbelakangkan unsur tempatan serta pendidikan sivik diajar secara formal kepada semua murid. Justeru itu, cadangan ini mampu mewujudkan sistem pendidikan yang seragam di Sarawak dan Sabah serta melahirkan rakyat yang cinta akan negara dalam kalangan seluruh rakyat sejak di bangku sekolah.

Penyata Razak pada tahun 1956 pula mencadangkan dua jenis sekolah sahaja, iaitu Sekolah Rendah Umum dan Sekolah Rendah Jenis Umum. Cadangan ini bertujuan untuk mewujudkan sistem persekolahan yang sama bagi semua kanak-kanak di negara ini. Hasrat tersebut dapat dicapai melalui penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama di semua jenis sekolah.

Kesimpulannya, semua laporan pendidikan yang dikeluarkan sebelum merdeka tersebut mampu menyeragamkan sistem pendidikan di negara ini serta mengukuhkan satu rupa bangsa yang cinta akan negara pada masa hadapan.

*(Mana-mana jawapan munasabah diterima)
(Maksimum = 8 markah)*